



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA  
HAKIM MAHKAMAH TINGGI PADA 10 DISEMBER 2020**

Majlis Penyampaian Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Hakim Mahkamah Tinggi diadakan pada 10 Disember 2020 di Bilik Kunjung Hormat Ketua Hakim Negara, Istana Kehakiman, Putrajaya.

YA Dato' Ahmad Shahrir bin Mohd Salleh telah mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di hadapan YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Besar Malaya selaras dengan Perkara 124 (5) Perlembagaan Persekutuan.

YA Dato' Ahmad Shahrir bin Mohd Salleh dilahirkan pada 13 Ogos 1966 di Bentong, Pahang. YA Dato' berkelulusan *Diploma in Law* dan *Advanced Diploma in Law* dari Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA).

Sejarah kerjaya YA Dato' adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KERJAYA</b>
02.12.1991 - 1994	Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara (Negeri Pulau Pinang)
1994 – 01.04.1995	Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kuala Lumpur)
03.04.1995 – 01.10.1998	Peguam Bela & Peguam Cara Tetuan Badri, Kuhan, Yeoh & Ghandi Kuala Lumpur

02.10.1998 – 22.10.2001	Peguam Bela & Peguam Cara Tetuan Raja Badrol, Ramli & Azizi Petaling Jaya, Selangor
23.10.2001 – 26.03.2017	Peguam Bela & Peguam Cara Tetuan Ramli, Shahrir & Tajul Petaling Jaya, Selangor
27.03.2017 – 02.05.2019	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
03.05.2019 – kini	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Sekian terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 10 Disember 2020**